

02/12/2000

Hanya 30 peratus peka isu alam sekitar

Harun AB

HARI ini isu yang dikaitkan dengan perubahan alam sekitar bukan lagi asing di media negara kita dan kita semakin fasih membincangkan isu yang dikaitkan dengan jerebu, kejadian banjir kilat, tanah runtuh, sungai tercemar dan sebagainya.

Hal ini dikaitkan dengan perubahan sistem media kita yang semakin sensitif dengan berita yang berkaitan perkara di atas.

Berdasarkan kajian daripada Jabatan Alam Sekitar, 90 peratus daripada kita mengetahui perubahan berkenaan, bagaimanapun hanya 30 peratus yang sanggup memberikan komitmen untuk menyelesaikan isu atau pun persoalan daripada perubahan berkenaan.

Daripada kajian di atas, 70 peratus daripada kita masih terawang-awang apabila mempersoalkan isu perubahan itu dan golongan inilah yang mungkin meletakkan jalan penyelesaian kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kerajaan dan pihak berkuasa lain, tanpa melakukan tindakan untuk berhadapan dengan persoalan di atas.

Masalahnya, adakah kita tidak diberikan cukup ruang atau pun penerangan yang jelas mengenai perkara di atas? Kalau pun ada, adakah ruang itu sekadar bermusim saja?

Hari ini kita semakin tiada pilihan, bumi yang menjadi `rumah' kita amat memerlukan pembelaan. Kita sudah terlalu lama membiarkan bumi diperlakukan sewenang-wenangnya. Kita membiarkan sungai kita mengalir umpama longkang besar, bukit-bukau kita ditarah, hutan hijau kita semakin hari semakin terhakis.

Kesannya, bumi ini mungkin mula `membalas dendam' terhadap perbuatan kita. Keruntuhan Highland Tower, krisis air, jerebu, peningkatan suhu mungkin hanya sebahagian daripada amaran bumi kepada kerakusan kita.

Kita tidak mewarisi bumi ini daripada nenek moyang kita, tetapi kita hanya meminjamnya daripada anak cucu kita. Bumi apakah yang ingin kita serahkan pada anak cucu kita di masa akan datang? Hari ini kita memeras bumi ini atas nama pembangunan.

Tidak mustahil sebagaimana ungkapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan kempen cintai sungai baru-baru ini, bila ada seorang kanak-kanak dari Afrika terkejut bila melihat sungai di negara kita ada air dan tidak mustahil pada masa akan datang anak cucu kita akan terkejut bila dikatakan bahawa dalam hutan ada pokok. Sebabnya pada masa itu istilah hutan hanya sekadar pada nama saja.

Kini orang ramai semakin sensitif dengan isu berkaitan alam sekitar. Diharapkan pihak yang bertanggungjawab dapat menyediakan lebih banyak ruang kepada orang ramai untuk bertindak lebih aktif bagi menangani isu yang berkaitan. Kita sudah semakin sinonim dengan perkataan kitar semula apabila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memulakan dasar baru ketika berhadapan dengan isu sampah-sarap.

Kita teringat suatu ketika dulu bila negara kita dilanda jerebu, perkataan IPU cukup sensitif kepada orang ramai, sehinggakan ada yang mahu membuat kenduri kahwin pun tengok IPU (Indek Pencemaran Udara), tetapi hari ini perkataan itu semakin hari semakin asing.

Kini perkataan kitar semula sudah mula diperkatakan, adakah ia akan senasib IPU? Diharapkan pihak bertanggungjawab dapat menyediakan ruang yang lebih jelas kepada orang ramai untuk sama-sama membantu merealisasikan keinginan kerajaan mengawal mutu kualiti Alam Sekitar negara kita.

Saya mahu mengucapkan tahniah kepada media di negara kita kerana mula

menyediakan ruang kepada orang ramai untuk mengetahui perkara yang dikaitkan dengan Alam Sekitar. Kalau dulu siapa yang kenal Karam Singh Walia pemberita TV3 yang bertindak umpama polis alam sekitar, dan tahniah kepada Berita Harian untuk ruangan Alam Sekitar pada Selasa.

Begitu jua NTV7 dan Shell untuk segmen Enviro Talk. Dahulu Jabatan Alam Sekitar tiada siapa yang sedar kewujudannya, malah tidak kenal siapa menteri yang bertanggungjawab dan hari ini Datuk Dr Law Hieng Ding semakin popular di media massa.